

→ PENGANGKUTAN



SPAD kaji guna trem di ibu negara

BH
15/10/16
ms 3



Contoh trem yang digunakan di Melbourne, Australia.

→ Kenderaan lebih efisien, mesra alam tingkat ciri daya huni di Kuala Lumpur

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kajian Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) mengenai kebolehlaksanaan penggunaan trem sebagai satu lagi mod pengangkutan awam di ibu negara dijangka siap akhir tahun depan.

Kajian dibuat bagi meningkatkan ciri daya huni di Kuala Lumpur berikutan sifat trem yang lebih efisien dan mesra alam.

Menurut laporan Perjalanan Transformasi Pengangkutan Awam Darat (PTPAD) 2010-2015, kajian akan menentukan secara khusus permintaan sebenar dari aspek penumpang, impak ekonomi yang diunjurkan serta langkah teknikal dan kewangan yang di-

perlukan untuk menyokong pengendalian trem.

Inisiatif itu adalah inisiatif Rancangan Pembangunan Rel Bandar yang menjadi sebahagian daripada Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Greater KL bagi meningkatkan pengalaman perjalanan menggunakan sistem rel.

Selain itu, kajian Pembaikan Batuan Pertama dan Terakhir Rel Bandar Greater KL akan turut di-

laksanakan bagi merancang keutamaan dan pelan jangka panjang terhadap akses pengangkutan, termasuk aspek kesalinghubungan dengan mod lain.

KTMB laksana projek KVDT

Menurut laporan itu, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) juga akan melaksanakan projek Landasan Berkembar Lembah Klang (KVDT) yang disasarkan siap pada

November 2019.

Projek itu akan membabitkan penyusunan landasan dan alat persembayanan baharu bagi menggantikan peralatan lama yang berusia 20 tahun, pemasangan sistem radio, naik taraf 16 stesen dan pembinaan sebuah sistem bekalan di Sentul, Kuala Lumpur untuk menjana tenaga elektrik tambahan selain menambah kekerapan tren.